

Islam agama sejagat semua insan



Bersama Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin

Islam adalah agama sejagat yang mempunyai mesej atau ajaran yang boleh digunakan serta diamalkan oleh setiap manusia tanpa batasan waktu, bangsa atau tempat.

Prinsip Islam tidak berubah, dengan kepercayaan serta keimanan kepada Allah SWT menjadi tiang agama ini.

Aspek sejagat (alamiyyah) merangkumi tiga hal utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Demi memelihara aspek kesejagatan ini, agama Islam diturunkan kepada setiap nabi dan rasul dengan satu mesej yang sama.

Ketulenan serta keaslian Islam boleh dilihat melalui firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad) sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh dan nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya.

"Dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ishak, Nabi Yaakub serta nabi-nabi keturunannya, Nabi Isa, Nabi Ayub, Nabi Yunus, Nabi Harun, Nabi Sulaiman dan Kami telah memberikan kepada Nabi Daud Kitab Zabur."

(Surah an-Nisa, ayat 163)


Setiap manusia tanpa mengira kaum, bahasa serta warna kulit mempunyai kedudukan sama di sisi Allah.

Hal ini kerana tiada sesiapa yang mampu menentukan bangsa serta warna kulit sebelum ia dilahirkan.

Faktor tunggal yang membezakan seseorang dengan yang lain ialah tahap ketakwaan kepada Allah. Semakin bertakwa, maka semakin tinggilah kedudukan orang terbahit di sisi Allah.

Sabda Rasulullah SAW, mafhumnya: "Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam).

"Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab



TANAH Suci Makkah menghimpunkan umat Islam dari seluruh dunia.

ke atas ajam (yang bukan Arab) atau ajam ke atas Arab atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan." **(Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi, dinilai status hasan oleh al-Albani)**
Di samping itu, Islam

mengajarkan kita bahawa setiap manusia mempunyai akses yang sama kepada Allah tanpa memerlukan pengantara. Setiap manusia boleh berhubung terus dengan Allah. Hal ini berbeza dengan fahaman lain yang memerlukan benda atau orang lain sebagai pengantara.

Kesimpulannya, Islam adalah agama yang membawa mesej tulen dan bersifat abadi. Setiap nabi dan rasul membawa mesej dan prinsip agama yang sama termasuklah Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa serta Nabi Muhammad SAW. Semua nabi dan rasul

mengajak umatnya kepada penyerahan diri secara menyeluruh kepada Allah Yang Maha Esa.

Penyerahan diri kepada Allah Tuhan sekalian alam ini membolehkan manusia memenuhi tujuan hidup mereka.

Pengakuan akan kehebatan serta kekuasaan Tuhan membolehkan manusia mengabdikan diri kepada Allah dengan lebih ikhlas.

Firman-Nya bermaksud: "Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadat kepada-Ku." **(Surah adz-Dzariyaat, ayat 56)**

Ayat ini jelas kepada kita bahawa keseluruhan hidup manusia mestilah diserahkan kepada Allah.

Pasrah kepada Allah atas kejadian kita sebagai manusia ciptaan terbaik Allah serta tunduk kepada kebesaran dan kekuasaan-Nya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM